

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK MADIUS TANGAU**
[TUARAN]

TARIKH : **9 JUN 2015**

SOALAN : **Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta**
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
apakah jenis kerjasama di antara Malaysia
dan Filipina dalam menangani isu
pendatang asing tanpa izin di Sabah,
termasuklah perkembangan terkini kepada
hasrat negara jiran mewujudkan konsulat
di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran atas soalan yang dikemukakan.

2. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin di Sabah. Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah telah diumumkan pada 3 Disember 2014. Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah yang merangkumi Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah.

3. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kedua-dua buah negara telah banyak kali berbincang mengenai cadangan penubuhan Pejabat Konsulat Jeneral Republik Filipina di Kota Kinabalu. Malaysia telah beberapa kali membangkitkan perkara ini kepada Kerajaan Filipina dan sewaktu Lawatan Negara TYT Presiden Republik Filipina ke Malaysia pada 27 – 28 Februari 2014, lawatan Naib Presiden Filipina pada 17-19 Jun 2014 dan dalam pertemuan di antara YB Menteri Luar

dengan Setiausaha Luar Filipina pada 27 Januari 2015 di Kota Kinabalu, Sabah sewaktu Pemukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN 2015.

4. Walaupun pihak Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur sering menjalankan perkhidmatan konsular bergerak di Sabah, Malaysia berpendapat bahawa amatlah penting bagi Kerajaan Filipina menubuhkan pejabat Konsulat mereka di Kota Kinabalu. Ini adalah kerana penubuhan Konsulat Jeneral Filipina di Sabah bukan sahaja akan memudahkan kerajaan Filipina untuk menghulurkan bantuan konsular kepada rakyat mereka di Sabah tetapi juga ia akan dapat menyumbang kepada pengembangan kerjasama kedua negara terutamanya dalam bidang ekonomi.

Sekian, terima kasih.